



**PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)
KENYATAAN AKHBAR
PERMOHONAN PINJAMAN PTPTN SECARA ATAS TALIAN BAGI
PELAJAR-PELAJAR KEMASUKAN SEMESTER 1 2008/2009**

Adalah dimaklumkan bahawa PTPTN akan melaksanakan kaedah permohonan pinjaman PTPTN secara atas talian melalui laman web <http://epinjaman.ptptn.gov.my> atau <http://202.184.125.150> bagi menggantikan penggunaan Borang OMR. Pelajar-pelajar dikehendaki mendapatkan nombor PIN di semua Cawangan BSN dengan harga RM5.00. Pembelian nombor PIN ini telah dibuka mulai 21 Mei 2008. Tempoh sahlaku nombor PIN adalah 6 bulan daripada tarikh permohonan kali pertama dibuat.

Melalui kaedah ini, permohonan pinjaman boleh dibuat sepanjang tahun. Walau bagaimanapun PTPTN akan memproses permohonan berkenaan sebanyak dua kali bagi setiap semester. Tarikh proses ditetapkan berasaskan persetujuan dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS). Permohonan untuk pelajar IPTA dan Politeknik akan dibuka mulai **13 Jun 2008** dan proses kelulusan kali pertama akan dibuat pada **23 Jun 2008**. Pelajar-pelajar yang terlibat boleh menyemak keputusan permohonan melalui Laman Web PTPTN dan mencetak dokumen tawaran pinjaman bermula **25 Jun 2008**. Tarikh proses kelulusan kali kedua akan dimaklumkan kemudian melalui Laman Web PTPTN. Permohonan pelajar-pelajar IPTS secara atas talian akan dibuka mulai **1 Ogos 2008**. Sebelum tarikh tersebut pelajar-pelajar IPTS boleh memohon pinjaman menggunakan kaedah sedia ada pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan. Maklumat lanjut boleh berhubung dengan HEP IPTS masing-masing.

Pelajar-pelajar yang diluluskan pinjaman dikehendaki mencetak sendiri dokumen tawaran yang terdiri daripada surat tawaran, surat akuan penerimaan, surat-surat

kebenaran, dokumen perjanjian pinjaman pendidikan, lampiran perjanjian pinjaman dan dokumen jaminan. 2 set dokumen yang telah dilengkapkan termasuk dua keping setem hasil bernilai RM10 hendaklah diserahkan di kaunter PTPTN yang akan dibuka di semua IPTA pada tarikh-tarikh yang akan ditentukan oleh HEP. Semasa penyerahan, pelajar-pelajar dikehendaki melakukan imbasan Mykad dan ibu jari sebagai bukti penyerahan dokumen. Bayaran pinjaman akan dikreditkan ke akaun pelajar dalam tempoh tujuh hari selepas hari terakhir proses kutipan dokumen tawaran PTPTN di semua IPTA. Penjelasan lanjut mengenai kaedah dan kemudahan yang disediakan oleh permohonan secara atas talian ini boleh diperolehi melalui laman web PTPTN mulai 12 Jun 2008.

Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi melalui akhbar-akhbar utama pada 11 Jun 2008, Kerajaan telah bersetuju memberikan kelonggaran syarat wajib simpanan minima SSPN sebanyak RM500 atau RM3,000 bagi satu keluarga sebelum pelajar layak memohon pinjaman. Walau bagaimanapun, mereka diwajibkan mempunyai akaun SSPN dengan jumlah minima sebanyak RM20 selewat-lewatnya 2 minggu sebelum memohon pinjaman pendidikan. Pelajar-pelajar yang lewat membuka akaun SSPN dan tidak sempat diproses semasa kelompok pertama pada 23 Jun 2008, akan diproses semula pada kelompok kedua yang dijangka akan diadakan pada pertengahan Julai 2008.

Sila hubungi Call Center PTPTN di nombor 03-2092 7788 atau email ke webmaster@ptptn.gov.my sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.

Pejabat Ketua Eksekutif,
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.